

## Bukan kuasa PM tentukan keputusan - Saifuddin

**JOHOR BAHRU** - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak seharusnya dipersalahkan susulan keputusan dilepas tanpa dibebaskan ke atas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, hanya Peguam Negara yang mempunyai kuasa untuk memulakan, meneruskan atau menghentikan pendakwaan.

“Sebab itu saya menolak dan menangkis sebarang tuduhan dan andaian bahawa tindakan apa pun yang dibuat oleh Peguam Negara, semua-

nya diletakkan di atas bahu Perdana Menteri. Macam Perdana Menteri tiada kerja lain.

“Kuasa yang ada pada Peguam Negara itu merupakan kuasa di bawah Perkara 145 (3). Itu kuasa yang ada di bawah perlembagaan,” katanya selepas berkempen di Taman Anggerik, Kempas di sini pada Selasa malam.

Sementara itu, Saifuddin yang juga Setiausaha Agung PKR ketika diminta mengulas mengenai pengasingan kuasa Peguam Negara dan Pendakwa Raya, jelasnya perkara tersebut di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong.

“Buat masa sekarang pe-

lantikan Peguam Negara itu adalah perkenan Yang di-Pertuan Agong di atas usul Ketua Eksekutif,” katanya.

Sebelum itu, Ahli Parlimen Subang, Wong Chen yang juga Pengerusi Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mencadangkan reformasi institusi diperlukan bagi melaksanakan agenda reformasi mengenai tadbir urus yang lebih baik, ketelusan dan akauntabiliti.

Jelasnya, semua pihak perlu memastikan undang-undang diluluskan di Parlimen supaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Peguam Negara bebas tanpa pengaruh politik.